

06 AUG 1999

Azhar-pulang

SAMBUTAN MERIAH UNTUK AZHAR SELASA INI

Oleh: Nor Hammad Wariman

LANGKAWI, 6 Ogos (Bernama) -- Selepas lebih enam bulan berlayar di samudera luas dengan penuh cabaran pelaut Malaysia Datuk Azhar Mansor akhirnya akan menjadi rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia secara solo apabila kapal layarnya tiba ke garisan penamat di Langkawai Selasa ini.

Beliau dijangka melintasi garis penamat di Jeti Star Cruise pada kira-kira pukul 4.30 petang Selasa ini, dan beliau juga akan orang pertama belayar menggunakan laluan Timur-Barat untuk mengelilingi dunia, yang membabitkan lebih 25,000 batu nautika.

Percubaan Azhar, 41, yang memulakan pelayaran pada 2 Feb dari Langkawi, adalah percubaan pertama oleh seorang pelaut untuk belayar mengelilingi dunia bermula dari Lautan Hindi dan mengakhirinya di Langkawi.

Percubaan pelayar-pelayar lain sebelum ini, kebanyakannya pelaut Barat bermula dari Lautan Atlantik.

Pada satu mesyuarat yang diadakan Selasa lepas sebuah jawatankuasa ditubuhkan untuk membuat persiapan menyambut kepulangan Azhar secara besar-besaran, kata Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Langkawi (LADA) dan pengerusi jawatankuasa Datuk Abdul Halil Mutalib.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menjadi penaung Projek Cabaran Jalur Gemilang 1999 akan turut serta menyambut kepulangan Azhar sebagai wira negara.

Berikut adalah jadual aturcara bagi sambutan kepulangan Azhar Selasa ini:

- * bot polis marin mengiringi Jalur Gemilang berharga RM2 juta dari jarak 20 batu nautika di laut ke pantai;

- * Azhar diberikan lintas hormat apabila beliau menghampiri jeti;

- * penerbangan lintas oleh beberapa pesawat udara apabila Azhar menghampiri tempat berlabuh;

- * Dr Mahathir menyambut kedatangan Azhar di jeti berhampiran Awana Porto Malai Resort dan Azhar menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada Perdana Menteri;

Jeti tersebut adalah tempat yang sama semasa Dr Mahathir melepaskan Cabaran Jalur Gemilang 1999 pada 2 Feb lalu.

Isteri Azhar Sara Maria dan tiga anak mereka Eizaz, 13, Elliz, 9, dan Eizhan, 7, tidak sabar-sabar untuk menyambut kepulangan Azhar yang telah berada di lautan selama lebih enam bulan.

Mereka akan menaiki sebuah pesawat dari Kuala Lumpur pada hari Isnin ini bagi pertemuan itu di sini.

Azhar yang berasal dari Kangar telah memenuhi syarat "World Sailing Speed Record Council" (WSSRC) dengan melintasi garisan Khatulistiwa sebanyak dua kali masing-masing pada 8 Feb dan 5 dan melepasi lima tanjung;

- * Tanjung Leeuwin (3 Mac);

- * Tanjung Tenggara Tasmania (14 Mac);

- * Tanjung Selatan New Zealand (19 Mac);

- * Tanjung Horn (18 April) dan

- * Tanjung Harapan pada 9 Julai.

WSSRC telah mengklasifikasikan semula pelayaran Azhar sebagai pelayaran solo mengelilingi dunia, berhenti untuk mendapatkan bantuan, mengikuti laluan timur, berikutan beliau terpaksa berhenti di kepulauan Falklands

kerana tiang layar utamanya patah dalam cuaca buruk semasa pelayaran.

Azmi adik kepada Azhar, yang juga penyelaras projek Cabaran Jalur Gemilang 1999 berkata beberapa acara telah diatur untuk Azhar sekembalinya beliau dari pelayaran.

Ini termasuk menghadiri sebuah majlis di Kompleks Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan mengambil bahagian dalam Perlumbaan Merdeka Proton di sirkit Sepang FI.

Beliau berkata Azhar juga sedang menimbangankan untuk membuka sebuah galeri pelayaran dan menulis buku berkaitan pelayarannya mengelilingi dunia.

-- BERNAMA

NH RYN RI